

# Latihan: Pehaks akan berdialog dgn Muis

MUZIE -  
MELAYU - 2 AUG 1983

PERSATUAN Hadrah-Kompang Singapura (Pehaks) bercadang untuk mengadakan dialog dengan Majlis Ugama Islam Singapura (Muis) berhubung dengan soal kebenaran mengadakan latihan-latihan hadrah dan kompang di pekarangan masjid.

Setiausaha Agung Pehaks, Encik Ahmad Azmi, memberitahu bahawa ini telah dirancang ekoran dari penegasan yang dibuat oleh Muis mengenai larangan mengadakan kegiatan-kegiatan riadah seperti silat dan hadrah kompang di kawasan masjid. **PENCAK SILAT**

Muis menegaskan bahawa mengadakan latihan seumpama itu di tempat ibadah adalah bertentangan dengan ajaran Islam kerana ia melibatkan percampuran lelaki dan wanita.

Encik Ahmad memberitahu bahawa penasihat Pehaks, Haji Rahmat Kenap, telah bersetuju agar dialog itu diadakan dengan Muis.

## Masalah tempat

Pada pandangan Encik Ahmad, mengadakan latihan-latihan atau persembahan hadrah kompang dalam kawasan masjid tidak ada salahnya jika ketatasusilaan para pemain dijaga.

Dalam soal ini, beliau menegaskan, soal percampuran antara lelaki dengan wanita tidak timbul kerana mereka boleh mengadakan latihan secara berasingan.

Katanya: "Pada masa ini kira-kira 75 peratus dari pasukan-pasukan kerabat Pehaks tidak mempunyai tempat yang sempurna untuk mengadakan latihan."

Jumlah anggota kerabat Pehaks sekarang ialah 60 dan ada di antaranya pernah mengadakan latihan-latihan di masjid.

Encik Ahmad berharap agar perkara ini diberi perhatian yang sewajarnya, terutama sekali kerana ia bersangkutan dengan masalah besar untuk mendapat-

kan tempat-tempat latihan yang sedang dihadapi oleh pasukan-pasukan kompang.

Katanya lagi: "Masyarakat Islam juga harus memberi perhatian terhadap masalah ini dan jangan setakat mengkritik saja.

"Mereka harus berfikir, jika persatuan-persatuan kompang tidak mengadakan latihannya, bagaimana ia boleh mempersembahkan permainannya di majlis-majlis perkahwinan atau di lain-lain upacara?"

Sementara itu, Setiausaha Agung Persekutuan Silat Singapura (Persisi) Encik Johari Uriff, pula memberitahu bahawa anggota-anggota kerabat persatuannya selama ini tidak pernah mengadakan latihan-latihan di masjid.

Secara peribadi beliau sendiri memang merasa kegiatan silat tidak sesuai dianjurkan di masjid-masjid kerana tiga masalah.

Pertama kerana kegiatan seumpama itu akan mengganggu ketenteraman para jemaah atau mereka yang hendak beribadah di masjid; kedua ia menimbulkan pandangan yang tidak manis jika para pelatih tidak mengerjakan sembahyang di masjid dan ketiga ia melibatkan masalah pakaian bagi kaum wanita.

Encik Johari menerangkan lagi bahawa kebanyakan dari pasukan silat kerabatnya sebanyak 14 perguruan, mengadakan latihan di balai-balai rakyat.

Penegasan Muis mengenai larangan mengadakan kegiatan riadah yang melibatkan percampuran lelaki dan wanita di masjid, telah diberikan ekoran dari surat kepada ruangan 'Mimbar' di akhbar ini yang dikirimkan oleh pembaca yang menggunakan nama 'Umat Islam Queenstown', baru-baru ini.

Pembaca tersebut telah bertanya kepada Muis sama ada boleh atau tidak latihan silat serta hadrah dan kompang di anjurkan di sesebuah masjid seperti di sebuah masjid yang beliau ketahui.